

**SKIM PERKHIDMATAN
JURU X-RAY**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN
(SKIM BERSEPADU)

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred U29	:	P1T1	RM1160.69	-	P1T27	RM3057.39
		P2T1	RM1231.78	-	P2T27	RM3279.74
		P3T1	RM1305.89	-	P3T27	RM3476.28
Gred U32	:	P1T1	RM1959.29	-	P1T20	RM3656.38
		P2T1	RM2104.49	-	P2T20	RM4034.43
Gred U36	:	P1T1	RM3057.36	-	P1T11	RM4521.51
		P2T1	RM3270.62	-	P2T11	RM4999.43
Gred U41	:	P1T1	RM1999.19	-	P1T24	RM4723.81
		P2T1	RM2095.20	-	P2T24	RM5022.83
		P3T1	RM2195.39	-	P3T24	RM5317.92
Gred U42	:	P1T1	RM1999.19	-	P1T24	RM4723.81
		P2T1	RM2195.39	-	P2T24	RM5317.92
Gred U44	:	P1T1	RM3028.90	-	P1T14	RM5018.81
		P2T1	RM3358.68	-	P2T14	RM5547.49
Gred U48	:	P1T1	RM4431.54	-	P1T8	RM5882.85
		P2T1	RM4871.25	-	P2T8	RM6439.46

- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) (i) Diploma Radiografi atau Radioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : P1T6); atau

- (ii) Diploma *Society of Radiographer United Kingdom* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 dan U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Juru X-Ray yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Juru X-Ray boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

5. Juru X-Ray dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Juru X-Ray yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Juru X-Ray hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U32**

9. Juru X-Ray Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U36**

10. Juru X-Ray Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U36 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U42**

11. (i) Juru X-Ray Gred U29 atau Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U42 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
 - (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d) di atas;
 - (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (e) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- (ii) Juru X-Ray Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U42 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

12. Juru X-Ray Gred U41/U42 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U44 yang kosong apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

13. Juru X-Ray Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U48 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGAJAR**

14. Juru X-Ray yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan..